

**TEKS UCAPAN**

**MAJLIS  
KONVOKESYEN  
MAKTAB KOPERASI MALAYSIA  
KE-20**

**YANG BERBAHAGIA PROF MADYA DR ABDUL RAHMAN ABDUL RAZAK  
SHAIK**

**KETUA PENGARAH  
MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**

**DI**

**DEWAN SERBAGUNA, ARAS G, KPDNKK  
PUTRAJAYA**

**PADA**

**SELASA, 31 MEI 2016**

**MASA**

**10.00 PAGI**

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM**

**ASSALAMUALIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**

**SALAM SEJATERA, SALAM 1 MALAYSIA, SALAM 1 KOPERASI**

**YANG BERHORMAT DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN**

**MENTERI**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' SRI JAMIL BIN SALLEH**

**KETUA SETIAUSAHA**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' BASARUDDIN BIN SADALI**

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PERDAGANGAN DALAM NEGERI)**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' RAZALI BIN OTHMAN**

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEPENGUNAAN DAN PENGURUSAN)**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' ZAIDON BIN HAJI ASMUNI**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PENGURUSAN)**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN**

**YANG BERBAHAGIA PROF DATUK MOHD YUSOF BIN KASIM**

**PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH**

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

AHLI LEMBAGA PENGARAH MKM

TIMBALAN-TIMBALAN KETUA PENGARAH MKM

KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KPDNKK

IBU BAPA, SELURUH WARGA MKM DAN RAKAN-RAKAN MEDIA

DATUK-DATUK, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DAN PARA GRADUAN YANG DIRAIKAN

1. Syukur alhamdulillah, segala puji bagi Allah pentadbir seluruh alam, di atas segala nikmat dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama hadir di Majlis konvokesyen Ke-20, Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW dan para sahabat. Semoga majlis pada pagi ini berjalan dengan lancar dan mendapat keberkatan Allah SWT.

2. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang sudi melapangkan masa menghadirkan diri ke majlis yang bersejarah ini dan seterusnya merasmikan Majlis Konvokesyen MKM Ke-20 yang julung kali di adakan di Dewan Serbaguna KPDNKK, Putrajaya ini.

3. Terima kasih dan selamat datang juga kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Jamil Bin Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ke majlis MKM ini. Kesudian Yang Berbahagia Dato' Sri hadir ke Majlis Konvokesyen kali ke-20 amat kami hargai.

4. Begitu juga kepada Yang Berbahagia Dato' Basaruddin Bin Sadali, TKSU Perdagangan Dalam Negeri Dan Yang Berbahagia Dato' Razali Bin Othman, TKSU Francais & Kepenggunaan, Yang Berbahagia Dato' Zaidon Bin Asmuni, TKSU Pengurusan, yang turut hadir pada pagi ini. Kerjasama dan sokongan Dato'-Dato' dalam setiap majlis anjuran MKM selama ini tidak akan kami lupakan.

5. Jutaan terima kasih kepada ketua-ketua agensi, ketua-ketua jabatan di bawah KPDNKK, seluruh warga MKM, ibu bapa serta keluarga dan juga rakan-rakan media yang hadir pada pagi ini

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI**

### **Majlis Konvokesyen MKM Ke-20 melakar sejarah baru**

6. Pada hari ini, tercapai sudah segala apa yang dicita-citakan oleh para graduan setelah bertungkus lumus menekun ilmu di bawah bimbingan para pensyarah masing-masing. Sekalung tahniah dan ucapan syabas saya ucapkan kepada graduan atas kejayaan ini. Setinggi-tinggi tahniah juga saya tujukan kepada para ibu bapa, kerana kejayaan para graduan pada hari ini adalah hasil doa restu tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Pada Majlis Konvokesyen ke-20 ini, Maktab Koperasi Malaysia telah berjaya melahirkan seramai 108 graduan lulusan Diploma Pengurusan Koperasi di mana 103 orang dari sesi kemasukan Jun 2013 dan 5 orang lagi dari sesi kemasukan Jun 2012. Para graduan Diploma Pengurusan Koperasi telah mengikuti tempoh pengajian mereka di MKM selama dua tahun setengah.

8. Istiadat konvokesyen kali ini melakar satu lagi sejarah buat MKM apabila majlis tersebut dilaksanakan di Dewan Serbaguna KPDNKK yang julung kalinya diadakan sebelum ini. Pemilihan lokasi baru ini memberi penghormatan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebagai kementerian yang

bertanggungjawab kepada pembangunan dan kemajuan gerakan koperasi di Malaysia. Selain itu, majlis konvokesyen tahun ini diadakan bersempena Ulang Tahun MKM yang ke-60 tahun yang akan disambut pada 13 November 2016 dan pelaksanaan majlis ini juga dimasukkan dalam taqwin aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang sambutan ulang tahun tersebut.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI**

### **MKM sebagai pemancu pembangunan pendidikan masa depan**

9. Untuk pengetahuan semua, para graduan yang terlibat dalam Majlis Konvokesyen kali ini merupakan kumpulan pelajar kedua terakhir yang mengikuti pengajian Diploma Pengurusan Koperasi di MKM. Bermula pada Julai tahun 2015, program Diploma Pengurusan Koperasi telah diambil alih oleh anak syarikat MKM iaitu MKM Global Holding Sdn Bhd melalui Kolej iCOOP. Kolej iCOOP bertanggungjawab menjalankan kursus jangka panjang program Diploma Pengurusan Koperasi dan juga program baru Diploma Perniagaan Koperasi.
  
10. Sementara itu, MKM akan memberi lebih tumpuan kepada kursus-kursus jangka pendek khususnya kepada anggota koperasi. Perubahan ini dilaksanakan dalam memberi peningkatan pendidikan dan latihan kepada bidang-bidang yang lebih berpotensi dalam menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar Negara (KDNK) menjelang 2020. Antara bidang-bidang keberhasilan berimpak tinggi yang akan diberikan perhatian adalah seperti bidang pelancongan, perladangan dan asas tani, peruncitan dan pemborongan, hartanah dan kewangan.
  
11. Majlis konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 108 graduan menerima Diploma dan kajian mendapati 60 orang (55.55%) dari graduan ini telah ditawarkan pekerjaan oleh majikan masing-masing. Statistik ini membuktikan bahawa graduan MKM mampu

memenuhi keperluan pasaran pekerjaan serta dapat bersaing dengan graduan dari institusi pengajian tinggi yang lain. Graduan juga dilihat berjaya mengaplikasikan ilmu yang diperolehi sepanjang berada di MKM dengan dunia pekerjaan mengikut bidang masing-masing. Secara jelasnya, kecemerlangan akademik pelajar MKM terhasil daripada proses pengajaran serta pembelajaran yang efektif dan kondusif.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI**

### **Keprihatinan MKM dalam memperkasakan modal insan koperasi**

12. Peranan MKM ketika ini dalam gerakan koperasi amat besar. Bukan sahaja kepada warga kampusnya bahkan kepada segala usaha pembangunan pendidikan modal insan koperasi. Sementara itu, graduan lepasan MKM adalah 'Graduates Employability' yang sangat berpotensi serta mudah diterima bekerja di sektor koperasi, awam dan swasta. Pencapaian ini membuktikan bahawa MKM mampu melahirkan modal insan yang kompetitif dan berdaya saing dalam memenuhi tuntutan pasaran tenaga kerja professional masa kini yang semakin meningkat.
13. Bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan semasa yang semakin mencabar, MKM telah memperkenalkan Skim Latihan Kerjaya Koperasi (SLKK) yang bermatlamat memberi pendedahan kepada graduan lepasan MKM dengan menjalani proses pengalaman bekerja selama 6 bulan dengan bayaran elaun sebanyak RM1000.00 sebulan. Para pelatih akan ditempatkan di koperasi-koperasi maju dan sederhana besar serta bahagian tertentu di MKM. Usaha MKM ini penting dalam memastikan setiap graduan lepasan MKM berkelayakan dan berpengalaman. Ketika ini, penyertaan graduan MKM dalam SLKK adalah seramai 33 orang sejak diperkenalkan tahun lalu.
14. Adalah menjadi harapan besar kami, menyeru kepada para graduan hari ini untuk terus bekerja keras dan sentiasa komited dalam apa jua bidang anda lakukan. Jadikan ilmu dan

pengalaman selama berada di MKM sebagai panduan serta pedoman untuk terus berjaya di masa depan. Jangan sia-siakan usia muda anda dengan perkara-perkara tidak bermanfaat kerana di usia inilah masa yang paling baik untuk menimba ilmu dan pengalaman sebagai bekalan bagi mencapai cita-cita anda.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI**

### **Penutup**

15. Akhirkata, ucapan tahniah kepada semua graduan yang akan dianugerahkan Diploma sebentar lagi. Tahniah juga kepada ibu bapa dan keluarga yang telah banyak berkorban dalam memastikan kejayaan anak-anak. Syabas dan tahniah juga kepada para pensyarah dan warga kerja MKM yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbang bakti, mendidik dan membantu para graduan dalam memberi pendidikan dan ilmu pengetahuan selama mereka berada di MKM. Marilah kita sama-sama berdoa semoga graduan kelahiran MKM ini akan menjadi pengerak kepada perubahan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negara khususnya dalam gerakan koperasi di masa depan. InsyaAllah

16. Sekian. Terima kasih

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah  
Hiwabarokatuh**